



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

Nikmati Kelajuan Lebih Tinggi Pada 2013! SKMM Keluarkan Spektrum Dalam Jalur 2600 MHz Sebagai Persediaan Untuk Teknologi Mudah Alih 4G

Cyberjaya: 5 Disember 2012 – Rakyat Malaysia kini tidak perlu menunggu lebih lama untuk menikmati kelajuan jalur lebar mudah alih yang lebih tinggi. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengumumkan peruntukan jalur spektrum 2600 MHz yang akan membuka jalan kepada rakyat Malaysia untuk menikmati kelajuan jalur lebar sehingga lebih 100 Mbps.

Teknologi ini menjanjikan pelbagai perkhidmatan terbaharu kepada pengguna seperti aliran video berdefinisi tinggi, menambah nilai pengalaman pengguna dalam kendalian aplikasi masa sebenar dan hubungan lebih baik bagi peranti-peranti mudah alih dan elektronik.

Sejak teknologi 3G dan WiMAX diperkenalkan di Malaysia, permintaan terhadap perkhidmatan jalur lebar mudah alih yang lebih berkualiti semakin meningkat. Jalur ini diperuntukan selari dengan inisiatif serupa yang dilaksanakan di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah. Pasaran terhadap teknologi 4G juga telah tersedia kerana kebanyakan peranti dalam pasaran global kini menyokong penggunaan teknologi ini, sekaligus mampu membawa faedah yang lebih besar dari segi ekonomi terhadap negara.



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Capaian terhadap jalur spektrum 2600 MHz ini diberi kepada lapan (8) syarikat iaitu, menurut abjad, Celcom Axiata Bhd, DiGi Telecommunications Sdn Bhd, Maxis Broadband Sdn Bhd, Packet One Networks (M) Sdn Bhd, Puncak Semangat Sdn Bhd, REDtone Marketing Sdn Bhd, U Mobile Sdn Bhd dan YTL Communications Sdn Bhd.

Pengerusi SKMM, Dato' Mohamed Sharil Tarmizi berkata, "SKMM sentiasa komited mencari keseimbangan dalam memenuhi permintaan para pengguna, pelabur dan lain-lain pemegang kepentingan dalam industri ini. Kami percaya bahawa keseimbangan itu terletak pada persaingan pasaran yang sihat dan promosi pembangunan industri yang akan membantu perkembangan yang berterusan bagi penyedia perkhidmatan sedia ada, serta menyediakan peluang kepada pemain industri yang baharu.

Penyedia perkhidmatan sedia ada boleh menggunakan peruntukan 2600 MHz yang diberikan itu untuk memperluaskan dan mempertingkatkan lagi kapasiti rangkaian jalur lebar mudah alih mereka bagi memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat. Manakala pengenalan pemain industri yang baharu dijangka mencetus ide baharu serta inovasi kepada pasaran.

Para penyedia perkhidmatan juga dijangka akan menjalinkan perkongsian pintar dan perjanjian berkongsi di antara satu sama lain termasuk berkongsi spektrum dan rangkaian akses radio supaya jalur yang mempunyai lebar jalur yang lebih besar dapat digunakan bersama, kos pelaksanaan mampu dikurangkan dan pengalaman 4G yang lebih baik serta mampu dimiliki pengguna dapat ditawarkan. Disamping itu, perkongsian pintar juga bermakna mereka akan berkongsi prasarana yang akan mengurangkan jumlah menara-menara telekomunikasi. Perkhidmatan 4G MVNO (*Mobile Virtual Network* atau Rangkaian Maya Mudah Alih) secara borong juga akan

Kenyataan Media

Press Release

ditawarkan kepada penyedia-penyedia perkhidmatan lain yang tidak mendapat peruntukan jalur 2600 Mhz tersebut.

“Dengan adanya teknologi baru ini, orang ramai diharap akan melihat penambahbaikan dalam gaya hidup digital mereka. Bagi komuniti perniagaan pula, mereka akan menikmati pengalaman lebih baik ketika dalam perjalanan apabila menggunakan perkhidmatan di awan (*cloud*), tele-kerja, tele-persidangan dan aplikasi,” ujar Dato’ Mohamed Sharil.

-TAMAT -

Nota kepada Editor:

1. Terma 4G secara amnya digunakan bagi merujuk kepada perkhidmatan laur lebar mudah alih yang menggunakan teknologi jalur lebar mudah alih generasi baru termasuk Long Term Evolution (LTE) dan WiMAX.
2. Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abdul Rahman
Penasihat Strategik, Jabatan Komunikasi Korporat

Rahayu Abdul Aziz
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007

E-mel: ccd@cmc.gov.my